

**PERBADANANTABUNGPENDIDIKANTINGGI NASIONAL JAWAPAN
RINGKAS KEPADA PERTANYAAN BERKENAAN TAWARAN
CONVERSION UJRAH**

A. PERMOHONAN/TAWARAN

1. Siapakah yang layak untuk menerima tawaran pertukaran Ujrah (1%)?

Jawapan: Mulai 1 Januari 2012, tawaran pertukaran pinjaman sedia ada (3% atau 5%) kepada pembiayaan Ujrah 1% layak diterima oleh peminjam-peminjam yang masih mempunyai baki pinjaman semasa pada tarikh permohonan dibuat kecuali bagi kes berikut:

- i. Telah dikenakan tindakan saman;
- ii. Baki pinjaman semasa kurang daripada RM1,000.

Nota: Kemudahan tawaran pertukaran pinjaman kepada pembiayaan Ujrah (1%) turut dibuka kepada semua peminjam yang telah disahkan berhenti pengajian, gagal pengajian dan membatalkan perjanjian samada dengan pembiayaan sendiri atau tajaan lain kecuali mereka yang telah dikenakan tindakan saman dan baki pinjaman semasa kurang daripada RM1,000.

2. Apakah asas penawaran Ujrah?

Jawapan: Asas yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Jumlah pembiayaan: Berdasarkan jumlah baki pinjaman bulan semasa.
- ii. Tempoh bayaran balik baru adalah berdasarkan kepada baki pinjaman pada tarikh kuatkuasa seperti berikut:

Bil	BakiPinjaman	TempohBayaranBalik
1	RM10,000 dan kebawah	60 Bulan (5 tahun)
2	RM10,001 hingga RM22,000	120 Bulan (10tahun)
3	RM22,001 hingga RM50,000	180 Bulan (15tahun)
4	RM50,001 keatas	240 Bulan (20tahun)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan baki pinjaman semasa?

Jawapan: Baki pinjaman semasa bermaksud jumlah prinsipal dan juga kos pentadbiran yang masih belum dijelaskan sehingga tarikh proses permohonan dibuat. Baki semasa boleh dirujuk di Laman Web PTPTN ()

4. Bagaimanakah jumlah keseluruhan Ujrah ditentukan?

Jawapan: Jumlah Ujrah = [Kadar Ujrah (1%) / 12] x Jumlah Pembiayaan Yang Ditawarkan x tempoh bayaran balik (bulan)

5. Apakah tindakan yang perlu diambil bagi membolehkan saya mendapat tawaran pertukaran Ujrah?

Jawapan: Peminjam perlu mengambil langkah-langkah berikut :

- i. Membuat pendaftaran melalui laman web PTPTN <http://www.ptptn.gov.my/gateway/ujrah.jsp> dengan memasukkan nombor kad pengenalan dan alamat e-mel peminjam dan kemudian semak peti masuk/ *inbox* e-mail yang didaftarkan;
- ii. Mengemaskini maklumat yang diperlukan melalui pautan/ *link* yang dihantar ke alamat e-mel peminjam yang didaftarkan. Kegagalan membuat pengemaskinian akan menyebabkan permohonan pertukaran tidak akan diproses;
- iii. Mencetak dan menandatangani dokumen tawaran yang dihantar ke alamat e-mel peminjam; dan
- iii. Menghantar dokumen tawaran pertukaran Ujrah yang lengkap (sila rujuk panduan pengisian) kepada PTPTN dalam tempoh 90 hari daripada tarikh tawaran.

6. Bilakah peminjam boleh mula membuat pendaftaran dan pengemaskinian maklumat?

Jawapan: Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat pada bila-bila masa bermula 1 Januari 2012.

7. Bilakah PTPTN akan mengeluarkan dokumen tawaran pertukaran Ujrah?

Jawapan: Dokumen tawaran akan dikeluarkan pada setiap minggu. Bagi peminjam yang telah mendaftar dan mengemaskini maklumat pada minggu semasa, dokumen tawaran akan dikeluarkan pada minggu yang berikutnya. Dokumen tawaran akan dihantar ke e-mel yang telah didaftarkan. Oleh itu, Peminjam adalah dinasihatkan supaya sentiasa menyemak peti masuk/ *inbox* e-mail yang didaftarkan dari semasa ke semasa.

8. Saya telah menerima makluman melalui sms bahawa telah ditawarkan pertukaran Ujrah. Walau bagaimanapun saya tidak menerima sebarang e-mel dokumen tawaran. Bagaimana saya boleh mencetak dokumen tawaran berkenaan?

Jawapan: Sekiranya peminjam tidak menerima e-mel daripada webmaster PTPTN, semakan dan cetakan dokumen tawaran juga boleh dibuat melalui laman web PTPTN <http://www.ptptn.gov.my/gateway>. Sekiranya menghadapi masalah kata laluan, sila tekan/ klik terlupa kata laluan untuk menukar/ mendapatkan kata laluan baru dan ia akan dihantar ke e-mel tuan. Untuk makluman juga, panduan pengguna juga telah disediakan di laman web tersebut sebagai rujukan/ panduan.

9. Saya telah ditawarkan pertukaran Ujrah sebelum 31 Disember 2011, walau bagaimanapun, dokumen tawaran tersebut masih belum dihantar kepada PTPTN. Apakah yang perlu saya lakukan?

Jawapan :

Situasi 1: Dokumen Tawaran dan Perjanjian masih dalam tempoh sahlaku (tidak melebihi tempoh 90 hari daripada tarikh tawaran)

Tindakan: Tawaran pertukaran Ujrah masih sah. Dokumen perjanjian tersebut hendaklah dilengkapkan dan dikembalikan kepada PTPTN dengan kadar segera sebelum tamat tempoh 90 hari dari tarikh tawaran untuk membolehkan peminjam mendapat keistimewaan tarikh kuatkuasa Ujrah 1 Jun 2008 atau tarikh mula bayar balik sebenar yang mana terkemudian.

Situasi 2: Dokumen Tawaran dan Perjanjian telah tamat tempoh sahlaku (melebihi tempoh 90 hari daripada tarikh tawaran)

Tindakan: Tawaran pertukaran Ujrah telah terbatal. Sekiranya masih berminat untuk mendapatkan tawaran pertukaran Ujrah, permohonan baru perlu dibuat semula mengikut langkah-langkah yang ditetapkan di para 5. Walau bagaimanapun, tawaran semula yang baru adalah berdasarkan baki pinjaman semasa mengikut terma-terma yang ditetapkan.

10. Sekiranya saya masih gagal sekali lagi mengemukakan dokumen perjanjian kepada PTPTN selepas tempoh tawaran kedua tamat, apakah yang perlu saya lakukan?

Jawapan: Anda perlu mendaftar dan memohon semula seperti mana langkah-langkah di para 5 dan permohonan akan diproses mengikut terma-terma yang ditetapkan.

11. Saya masih belajar dan masih menerima pengeluaran pinjaman PTPTN. Bilakah saya boleh menerima tawaran pertukaran Ujrah?

Jawapan: Anda akan ditawarkan pertukaran Ujrah setahun selepas jadual pengeluaran pinjaman terakhir (selepas 6 bulan tamat tempoh pinjaman iaitu selepas Jadual Bayaran Balik bermula). Walau bagaimanapun, anda tetap boleh memohon bermula sekarang dan diminta untuk menyemak semula emel anda dari semasa ke semasa bagi mendapatkan dokumen tawaran dan perjanjian.

12. Saya mempunyai baki pinjaman Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) sahaja. Adakah saya layak untuk memohon?

Jawapan: Anda tidak layak untuk ditawarkan Ujrah.

B. BAYARAN BALIK/PENGUATKUASAAN

1. Saya telah diluluskan penangguhan bayaran balik, adakah saya layak menerima tawaran Ujrah?

Jawapan: Peminjam yang telah diluluskan penangguhan layak menerima tawaran Ujrah.

2. Setelah Ujrah ditawarkan, saya masih tidak mampu membuat pembayaran balik. Adakah saya boleh membuat penangguhan sekali lagi?

Jawapan: Peminjam boleh mengemukakan permohonan penangguhan. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan penangguhan adalah tertakluk kepada budi bicara PTPTN.

3. Saya telah menerima Notis Peringatan Terakhir dan/atau Notis Tuntutan tetapi masih belum dikenakan tindakan saman, adakah saya layak untuk memohon dan menerima tawaran pertukaran Ujrah?

Jawapan: Peminjam layak untuk menerima tawaran pertukaran Ujrah ini.

4. Perlukah saya meneruskan bayaran balik sepanjang tempoh proses penawaran Ujrah ini?

Jawapan: Peminjam adalah dikehendaki untuk terus membuat pembayaran balik. Sebarang pembayaran balik akan diselaraskan ke akaun pembiayaan Ujrah selepas dokumen tawaran dan perjanjian dikembalikan.

5. Saya telah pun membuat bayaran balik secara potongan gaji melalui LHDN.

a) Walau bagaimanapun, saya tidak mengisi borang potongan gaji semasa menerima tawaran Ujrah.

Jawapan: Potongan gaji sedia ada akan diteruskan.

b) Saya mengisi borang potongan gaji tetapi amaun ansuran semasa berbeza dengan tawaran Ujrah.

Jawapan: PTPTN akan membuat pindaan amaun potongan gaji dengan pihak LHDN. Maklumat berkenaan pindaan tersebut akan dikemukakan kepada majikan dan salinan kepada peminjam.

C. LEJAR/PENYATA

1. Bilakah akaun pinjaman peminjam dikemaskini?

Jawapan : Akaun pinjaman peminjam akan dikemas kini selepas dokumen tawaran diterima dan diproses serta disahkan oleh PTPTN. Proses pengemaskinian dibuat secara mingguan. Paparan dipenyata kira-kira peminjam dapat dilihat selepas proses pengemaskinian dilakukan.

2. Apa yang berlaku apabila pengemaskinian akaun pinjaman dibuat?

Jawapan :Akaun pinjaman yang lama akan dikosongkan dan dipindahkan/ diselaraskan ke akaun pembiayaan Ujrah.

3. Apakah yang akan berlaku kepada bayaran balik yang dibuat selepas tarikh kuatkuasa Ujrah?

Jawapan :Bayaran balik yang telah diterima selepas tarikh kuatkuasa ujrah akan dipindahkan ke akaun pembiayaan Ujrah dan diselaraskan dengan jadual bayaran balik pembiayaan yang baru. Kos pentadbiran yang dikenakan selepas tarikh kuatkuasa Ujrah akan dikecualikan sehingga tarikh semasa pelarasan dibuat. Sebarang lebihan bayaran balik akan menyelesaikan ansuran bulanan ke hadapan.

4. Bolehkah saya menyemak penyata akaun pembiayaan Ujrah saya melalui laman web?

Jawapan: Peminjam boleh membuat semakan penyata akaun pembiayaan Ujrah di laman web PTPTN <http://www.ptptn.gov.my/gateway>.